



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Fatwa Mufti Mesir

‘Ain. Mahmud, Seremban bertanya: Saya berasa musykil ketika membaca siaran akhbar baharu-baharu ini berkenaan fatwa mufti Mesir yang menerangkan bahawa muka perempuan bukanlah aurat dan purdah yang biasa dipakai oleh perempuan-perempuan Islam di atas angin hanyalah pakaian yang telah dimulakan oleh kaum bangsawan.

Fatwa itu memang sudah betul, tetapi saya musykil tentang cara akhbar-akhbar menyiarkannya dengan begitu luas, seolah-olah hukum itu baharu diketahui oleh orang Islam, pada hal perkara itu telah dijelaskan oleh Rasulullah (SAW) dalam masa hayatnya dahulu. Harap mendapat penjelasan bagaimana perkara lama ini telah menjadi atau sengahaja dijadikan perkara baharu yang dipancarkan beritanya ke seluruh dunia?

Jawab: Jangan tuan berasa pelik. Harus perkara ini telah ditanya oleh orang yang bukan Islam atau oleh orang Islam yang berpengetahuan sempit yang menyangka adat datuk neneknya itu dari perintah agama. Yang menyiarkan dan membesarkan berita fatwa itu pula ialah syarikat berita asing kerana disangkanya fatwa itu suatu perkara baharu- dahulu haram sekarang halal, seolah-olah ulama boleh menukar ganti hukum-hukum Islam.

Hukum aurat perempuan adalah terbentang di dalam Quran dan hadis dengan jelasnya.

Di dalam surah al-Nūr, ayat 31 ada dinyatakan hukum ini, Maksudnya: “Janganlah mereka (perempuan-perempuan) itu menampakkan perhiasan mereka melainkan yang zahir sahaja, dan hendaklah

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

mereka menghulurkan tudung kepala mereka di atas dada mereka.”

Perhiasan yang zahir yang tersebut di dalam ayat di atas telah dijelaskan oleh Ibnū Abbās dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Jarīr: “Perhiasan yang zahir itu ialah muka, celik di mata, bekas haini di tangan dan cincin.”

Daripada keterangan Quran dan hadis yang bentangkan di atas jelaslah bahawa aurat perempuan ialah seluruh tubuhnya dikecualikan bulatan muka dan pergelangan tangan.

Setengah perempuan di atas angin memakai purdah atau “*Burqa*” (Margu’) hanyalah suatu adat menurut keadaan masyarakat di sekelilingnya dan dipercayai terbitnya adat itu ialah daripada nasihat sebahagian ulama Islam yang berfaham bahawa muka perempuan; kadang-kadang- kerana cantik parasnya -membangkitkan fitnah dan menggoda lelaki yang memandangnya, dan kerana itu patut ditutup dengan purdah.

Sekianlah kesimpulan perkara ini.

*

Zina Curi?

Sham al-Dīn ‘Alī, Melaka bertanya: Apa bezanya zina curi di kampung dengan zina yang dibeli di pekan?

Jawab: Tidak ada bezanya, kerana zaman yang dilakukan di kampung atau di pekan adalah sama iaitu perbuatan yang cemar dan terkutuk, apatahlagi kalau berzina dengan isteri orang atau merosakkan anak dara orang. Demikian juga tidak kurang cemarinya kalau penzina kalau penzina itu seorang perempuan